



Yayasan Sarawak

KENYATAAN MEDIA YAYASAN SARAWAK

Pada masa ini, Yayasan Sarawak memberikan fokus terhadap penajaan pengajian di dalam negara. Penajaan ini meliputi pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh negara dan beberapa buah institusi swasta yang terpilih di Sarawak. Permohonan untuk Skim Pinjaman Pelajaran Dalam Negara adalah dibuka sepanjang tahun.

Pertimbangan untuk penajaan di bawah Biasiswa Yayasan Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib (BYSTT) dan Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR) adalah berdasarkan *merit*. Permohonan untuk biasiswa ini dibuka dalam tempoh masa yang tertentu sahaja.

Bagi para pelajar yang menuntut di luar negara, Yayasan Sarawak menyediakan Skim Pinjaman Pelajaran Luar Negara bagi menampung sebahagian daripada kos pengajian. Bidang yang dipilih hendaklah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan permohonan dibuka sepanjang tahun.

Untuk keterangan lanjut, sila layari laman web rasmi Yayasan Sarawak di alamat <https://yayasansarawak.org.my>

PENGARAH YAYASAN SARAWAK

19 OGOS 2021

www.yayasansarawak.org.my

'PEMANGKIN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN'